

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	08/01/2018

Anwar dibebaskan 8 Jun

BH - 8/1/2018 Pg. 4

Kuala Lumpur: Datuk Seri Anwar Ibrahim akan dibebaskan dari penjara pada 8 Jun depan mengikut ketetapan Seksyen 44 Akta Penjara 1995 serta Peraturan 43 (1) (a) Peraturan-Peraturan Penjara 2000.

Ketua Pengarah Penjara Malaysia, Datuk Seri Zulkifli Omar, berkata pengiraan tempoh hukuman perlu dijalani Anwar dan tarikh pembebasannya dibuat mengikut

ketetapan seksyen berkenaan.

“Akta dan peraturan terbabit memberikan satu pertiga remitan daripada hukuman kepada mana-mana banduan yang menjalani hukuman melebihi satu bulan.

“Peraturan 28, Peraturan-Peraturan Penjara 2000 juga menjelaskan bahawa jika pembebasan seseorang banduan jatuh pada hari kelepasan mingguan atau hari kelepasan am, banduan hendaklah

dibebaskan pada hari sebelumnya,” katanya.

Tiada kaitan sistem parol

Dalam satu kenyataan semalam, Zulkifli berkata, berdasarkan pengiraan dengan remitan itu, tarikh pembebasan Anwar adalah pada 10 Jun ini, tetapi berikutan tarikh itu jatuh pada Ahad dan 9 Jun pula adalah Sabtu, maka Anwar boleh dibebaskan pada 8 Jun.

Katanya, sehingga kenyataan itu dikeluarkan, Jabatan Penjara Malaysia dan Penjara Sungai Buloh tidak menerima apa-apa waran atau perintah dari mana-mana pihak berkuasa mengarahkan hukuman terhadap Anwar dipinda.

“Tarikh pembebasan Anwar pada 8 Jun juga tiada sebarang kaitan dengan pelaksanaan sistem parol atau apa-apa perintah dari Lembaga Pengampunan,” katanya.